

RAMADAN YANG PENUH BERKAT - SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA

Alhamdulillah kita sedang berada dibulan yang penuh rahmat yang sentiasa dinanti-nanti ketibaannya. Marilah kita bersyukur kehadiran Allah SWT yang masih memberikan kita peluang untuk hidup dan menikmati rahmat bulan Ramadan. Sebagai tanda kesyukuran, marilah kita menghayati falsafah puasa, iaitu membina taqwa, dengan mengaut seberapa banyak pahala, memperbanyakkan amal ibadat kita seperti amalan bersedekah, membaca Al-Quran atau bertadarus dan bersolat Tarawih serta solat-solat sunat yang lain. Inilah masanya yang paling sesuai untuk kita menggandakan amal ibadat kita sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Tiap-tiap sesuatu itu ada musimnya. Sesungguhnya musim ibadah itu adalah dibulan Ramadan."

Inilah masanya iman dan takwa kita diuji, samada kita berjaya menundukan setru kita secara satu lawan satu. Ini kerana musuh yang paling utama, iaitu syaitan telah dirantai oleh Allah SWT sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Apabila masuk bulan Ramadan, maka terbukalah segala pintu Syurga dan terkuncilah segala pintu Neraka dan dirantaikan segala syaitan. Dan berserulah seorang penyeru: Wahai orang yang ingin membuat kebajikan, marilah kamu; wahai orang yang ingin membuat kejahatan, hentikanlah kamu dari kejahatan itu."

Marilah kita renungkan, apakah lagi alasan kita untuk tidak melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala laranganNya. Kini tidaklah boleh kita menyalahkan syaitan sekiranya kita masih culas menjunjung suruhan Allah SWT dan RasulNya SAW. Sekiranya kita masih terus-menerus terjerumus dalam perkara-perkara maksiat, kita tidak dapat lari selain dari menyalahkan diri kita sendiri yang tidak atau kurang berusaha mendidik hawa nafsu.

Sebagai panduan supaya kita berjaya mendidik dan mentarbiahkan jiwa dan nafsu kita sempena bulan Ramadan ini, marilah kita meneliti beberaps tips berikut:

- Redha dalam melaksanakan ibadat puasa sebagai perintah Allah SWT, tanpa ada unsur terpaksa. Bahkan, sebaik-baiknya ialah kita patut merasa senang hati dan seronok untuk menyempurnakan Rukun Islam yang Ketiga ini.
- Melaksanakan ibadat puasa secara sedar dan dalam keadaan mengetahui segala syarat-syarat sah puasa, rukun-rukun puasa, perkara-perkara yang membatalkan puasa, perbuatan-perbuatan yang makruh dan harus semasa berpuasa, dan amalan-amalan yang digalakkan semasa berpuasa.
- Memperbanyakkan doa', antaranya semuga Allah SWT mentaufiqkan kita supaya dapatlah kita menunaikan puasa dengan hati yang jujur dan ikhlas, serta terjauh dari sifat-sifat riak, ujub, sum'ah dan segala rupa penyakit yang boleh menghilangkan pahala puasa.
- Memperbanyakkan bacaan Al Quran, disamping cuba memahami segala maksudnya serta cuba mengamalkan segala isi kandungan Al Quran. Secara tidak langsung ini dapat mengurangkan atau meninggalkan amalan-amalan yang 'lagho,' umpamanya bacaan-bacaan majallah hiburan, menonton TV dan sebagainya.
- Memperbanyakkan ibadat sunat seperti solat Duha, Isyraq, Tarawih, Witir, Tahajjud, Hajat, Tasbeih dan lain-lainnya.
- Memperbanyakkan sedekah, umpamanya dengan memberi sumbangan kepada majlis berbuka puasa dan moreh, menderma untuk pembinaan surau/masjid/sekolah ugama, membantu golongan-golongan susah dan lain-lain amalan seumpamanya.
- Berbuka puasa secara sederhana dan tidak terlalu mengikut telunjuk hawa nafsu. Apatah lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi yang sedang melanda, amatlah wajar kita mengelakkan sebarang bentuk pembaziran. Siapakah yang patut kita salahkan sekiranya kita tidak terdaya melaksanakan solat Isyak berjemaah, solat Tarawih dan tadarus Al Quran lantaran 'kekenyangan.'
- Memperbanyakkan segala amalan dan ibadah sunat dari semasa kesemasa, dengan target supaya ibadat hari ini lebih baik dari semalam dan pahala ibadat esok lebih banyak dari ibadat hari ini. Semuga dengan prinsip tersebut, dapatlah kita mengesap 'Lailatul Qadar' dalam keadaan sempurna dan bukan setakat ala kadar.
- Bersedekah dalam membuat persiapan Hari Raya. Hari Raya yang sepatutnya kita raikan sebagai hari kemenangan mengatasi hawa nafsu dan meningkatkan taqwa, tidak sepatutnya kita cemarkan dengan segala bentuk amalan yang menyamai kegembiraan syaitan yang dibuka rantainya setelah tamatnya Ramadan kelak.

Semuga pertemuan yang amat dinanti ini memberi makna yang mendalam sebelum ianya meninggalkan kita. Di pertemuan Ramadan yang akan datang belum pasti kita dapat bersamanya lagi. Wallahu alam.

Barisan Jawatankuasa/Kepimpinan Surau Al-Ulum KD9 mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa sepanjang Ramadan Al-Mubaraq ini semuga kita semua sentiasa dalam keberkatan serta rahmat Ullahi.



Dikesempatan ini kami juga dengan rendah diri memohon keampunan kehadiran Ullahi dan memohon maaf kepada semua ahli kariah atas segala kekurangan dan keterlanjutan.



BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK YATIM – surau Al-Ulum akan mengadakan majlis ini bersama 80 anak-anak yatim dari sekitar Kota Damansara, Kampong Medan dan Kelang pada **SABTU 22 September, 2007M** bersamaan 10 Ramadan 1428H bertempat di surau. Semua ahli kariah dijemput hadir. Sumbangan berbentuk kewangan, tenaga, barangan dan sebagainya turut dialu-alukan. Sila berhubung dengan Dato' Jaafar Kamin (016-3015463) atau mana-mana AJK surau untuk maklumat lanjut

PEMBANGUNAN SURAU AL ULUM KD9 – Alhamdulillah, usaha untuk meningkatkan tahap keselesaan para jemaah dalam beribadah dengan pemasangan 8x2.5hp pendingin hawa untuk dewan solat telah berjaya disempurnakan. Dikesempatan ini, pihak Surau Al-Ulum merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakannya. Semuga segala usaha dan sumbangan yang diberikan dengan penuh ikhlas mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah SWT.

BACAAN YAASIN DAN TAHLIL ARWAH - Sebagaimana biasa setiap malam sepanjang Ramadan ini, Surau Al-Ulum KD9 mengadakan majlis bacaan Yaasin dan tahlil arwah selepas solat Tarawih. Tuan/puan yang berhajat sila majukan borang permohonan berserta sumbangan ikhlas bagi mengisi tabung aktiviti Surau al Ulum melalui mana-mana AJK Surau. (Nota: Bacaan Yaasin hanya pada malam Jumaat jika tiada Majlis Ilmu sahaja)

PEMBANTU SURAU – Sayugia dimaklumkan bahawa Ust Ahmad Lutfi Abdul Wahab, Pegawai Agama Surau Al-Ulum telah meletakkan jawatan pada 31 Ogos, 2007. Tempat beliau akan diambil alih oleh Ust Zamanuddin Asre berkelulusan dari Universiti Raden Santri, Jawa Timur, Indonesia yang akan mula bertugas mulai 1 Ramadan 1428H. Pihak Surau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ust Ahmad Lutfi atas segala usahanya semasa bersama kita dan diucapkan Selamat Maju Jaya..

Amalan baik yang dilakukan dalam bulan Ramadhan akan dilipatgandakan pahalanya oleh Allah SWT khususnya ibadah puasa yang mana pahala orang yang berpuasa pada bulan ini dapat membakar dosa-dosanya yang telah lalu. Oleh itu amatlah wajar kita mengambil kesempatan dibulan yang mulia ini untuk meningkatkan amal ibadah kita sebagaimana yang telah ditentukan.

1. Kewajipan Berpuasa

Sesungguhnya bulan Ramadhan adalah bulan yang setiap tahun dinantikan ketibaannya oleh setiap umat Islam, kerana ia bulan yang mulia dan memberikan banyak manfaat, fadhilat dan masa depan yang cerah bagi mereka yang menghayatinya. Pada bulan Ramadhan inilah umat Islam diwajibkan berpuasa sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana yang diwajibkan atas orang yang sebelum kamu mudah-mudahan kamu bertaqwa. (Maka yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk) dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Justeru itu sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu."* (Al-Baqarah: 183-185)

a. Ikan di laut memohonkan keampunan bagi orang yang berpuasa

Dalam sebuah hadith dijelaskan; apabila Allah mencintai seseorang, Dia berfirman kepada Jibril: "Aku mencintai orang itu maka kamu juga hendaklah mencintainya." Jibril pun mencintainya dan mengumurnkan kepada penghuni langit: "Orang itu dicintai Allah, kesemua kamu hendaklah mencintainya." Dengan itu kesemua penghuni langit mulalah mencintainya. Maka, kecintaan terhadap orang yang berpuasa tersebut akan tersebar ke bumi.

Biasanya mereka yang hampir kepadanya sahaja yang seolah-olah nampak mencintainya, tetapi di sini kecintaan itu tersebar ke semua arah; malahan sehingga binatang-binatang di hutan dan ikan-ikan di laut pun turut mencintainya. Kesemuanya akan berdoa bagi orang yang berpuasa."

b. Pintu-pintu syurga di buka

Rasulullah SAW bersabda: "Pada malam pertama bulan Ramadhan diikat semua syaitan dan jin dan ditutup semua pintu-pintu neraka dan tidak dibuka satu pintu pun darinya. Dan dibukakan pintu-pintu syurga dan tidak ditutup satu pun darinya. Maka berserulah penyeru; Wahai orang yang melakukan kebaikan hampirlah kamu, wahai orang yang melakukan kejahatan mundurlah kamu. Dan sesungguhnya Allah mempunyai ahli neraka yang dibebaskan dan yang dernikian itu berlaku pada setiap malam (Ramadhan). (HR. Tirmizi dan Ibn Majah)

c. Akan mendapat keampunan

Dalam hadith yang lain pula diterangkan, bahawa siapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan sungguh-sungguh beriman dan ikhlas kerana Allah, nescaya diampuni Allah dosa-dosanya yang telah lalu. (HR. Ahmad).

2. Mengerjakan solat Tarawih dan Keutamaannya

Ibadah yang paling besar pahalanya selain pahala puasa ialah menghayati setiap malamnya dengan solat sunat Tarawih. Menurut keterangan sebuah hadith Rasulullah SAW yang menerangkan tentang berbagai fadhilat dan faedah yang terdapat dalam mengerjakan solat Tarawih.

Di antara fadhilat dan faedahnya ialah diampuni dosa-dosa dirinya dan kedua ibu bapanya, diberi pahala seumpama pahala tawaf para malaikat di Baitul Makmur, bersih dari dosa seperti baru dilahirkan, dibinakan mahligai di syurga dinaikkan kedudukannya seribu darjat di akhirat dan berbagai lagi.

a. Pengertian solat Tarawih

Erti Tarawih ialah duduk bersenang-senang atau beristirahat. Solat Tarawih bererti solat dengan rasa senang dan kelapangan hati selepas solat fardhu Isyak. Biasanya duduk berehat setelah mengerjakan empat rakaat solat Tarawih, sebelum disambung semula.

b. Hukum melaksanakan solat Tarawih

Para ulama telah sepakat mengatakan bahawa hukum melakukan solat Tarawih ini adalah sunat muakad, yang boleh dilakukan seorang diri, baik di rumah, surau mahu pun Masjid dan adalah lebih baik juga dikerjakan secara berjemaah.

c. Bilangan rakaat solat Tarawih

Dari beberapa keterangan dan riwayat mengatakan, bahawa bilangan rakaat solat Tarawih itu ada beberapa macam iaitu, 8 rakaat, 20 rakaat, 36 rakaat, bahkan ada juga yang mengerjakan 42 rakaat di luar Witir.

3. Mengerjakan Solat Sunat Witir

Jika anda berniat hendak bangun tengah malam, mengerjakan solat sunat Tahajjud, solat Hajat, solat Tasbih dan sebagainya, maka solat sunat Witir boleh ditangguhkan dan dilaksanakan terakhir sekali iaitu setelah selesai dikerjakan semua solat-solat tersebut.

Orang ramai yang mendirikan solat Tarawih berjamaah di masjid atau surau, biasanya akan terus mengerjakan solat sunat Witir tiga rakaat (dua salam) dengan cara berjamaah, sebaik sahaja selesai mengerjakan solat Tarawih.

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan – Biro Penerbitan & Penerangan

4. Beriktikaf 10 Hari Terakhir Ramadhan

Dari Aisyah ia berkata: " Adalah Nabi SAW beriktikaf pada sepuluh hari terakhir dalam bulan Ramadhan sarnpai Allah SWT mewafatkan baginda, kemudian isteri-isteri baginda beriktikaf sesudah itu." (HR. Bukhari Muslim)

Yang dimaksud dengan beriktikaf ialah tinggal menyendiri di dalam masjid untuk melakukan ibadah selama sepuluh hari akhir bulan Ramadhan tanpa keluar, kecuali kerana keperluan yang mendesak.

5. Memperbanyak Amal dan Sedekah

Amal kebajikan seperti membaca Al-Quran, berdoa, berzikir atau mengajarkan agama, jika dilakukan bertepatan dengan Lailatul Qadar maka Allah akan berikan pahala sama dengan pahala orang yang melakukan amal tersebut selama seribu bulan.

Oleh kerana itu hendaklah pada malam atau siang hari bulan Ramadhan ini kita memperbanyak amal sunnah. Begitu juga kalau kita mampu hendaklah memperbanyak sedekah kepada fakir miskin.

6. Memperbanyak Istighfar Pada 10 Malam Terakhir

Rasulullah SAW bersabda, ertinya: "Pada bulan Ramadhan umatku diberi lima perkara yang tidak pernah diberikan kepada seorang nabi pun sebelumku."

Pertama, iaitu bila datang awal malam Ramadhan, Allah Azza Wajalla melihat mereka. Barangsiapa dilihat oleh Allah maka selamanya dia tidak akan disentuh oleh azab.

Kedua, bau mulut mereka pada petang hari di sisi Allah lebih harum dari bau minyak kasturi.

Ketiga, para malaikat memohonkan ampunan bagi mereka setiap siang dan malam."

Keempat Allah Azza Wajalla menyuruh syurganya dengan berfirman maksudnya: "Bersiap-siaplah dan hiasilah dirimu untuk hamba-hambaKu. Kamu sekalian telah dekat saat beristirehat dari keletihan hidup di dunia dan kembali ke kampungKu dan rahmatKu."

Kelima apabila telah tiba akhir malam (Ramadhan), Allah mengampunkan dosa-dosa mereka semua. " (HR. Ahmad dan Baihaqi).

7. Memperbanyak Tadarus Al-Quran

Dari Ibn Abbas berkata: "Adalah Nabi SAW orang yang sangat dermawan dan lebih besar lagi kedermawanannya bila berada pada bulan Ramadhan, kerana Jibril biasa menemui baginda pada setiap malam Ramadhan sampai habis bulan. Rasulullah SAW menghadirkan Al-Quran kepadanya dan ketika Jibril menemuinya, baginda sangat besar kedermawanannya, sehingga melebihi angin yang bertiup." (HR. Bukhari)

Maksud hadith di atas ialah, pada setiap malam bulan Ramadhan Jibril berkunjung kepada Rasulullah SA W. Pada saat itu Rasulullah SAW menghadirkan Al-Quran untuk dibaca di hadapan Jibril.

8. Membaca Doa Ketika Bertemu Lailatul Qadar

Rasulullah SAW mengajarkan kepada Aisyah supaya berdoa apabila bertemu dengan Lailatul Qadar. Doa tersebut bermaksud, *"Ya Allah, sesungguhnya Engkau adalah yang mengurniakan keampunan terhadap dosa-dosaku. Engkau suka mengampun, maka ampunilah aku."* Wallahualam.

Fasting the best way to worship Allah

Fasting is one of the best ways to worship Allah. Both the noble Quran and the blessed Sunnah (way of the Messenger) tell us of its high merits. There is a lot of reward from Allah for anyone who does this act of worship sincerely and properly. We need to gain as much reward and forgiveness from Allah as we can by doing good deeds. Allah is extremely merciful. When we try our best to worship Allah, He blesses us in this life and also takes us to Paradise in the next life. In Paradise we can enjoy and relax as much as we like without any blame or tiredness. Fun and happiness never ends in Paradise and whoever lives in that place lives forever. The list below mentions some of the great benefits of fasting. We know them from either the noble Quran or what the Messenger said or from both.

1. It protects the person from Hell-Fire
2. It helps the person a lot to go to Paradise
3. Allah is especially generous about rewarding this act of worship
4. Fasting will support the person or intercede for him on the Day of Judgement
5. It makes up for a number of sins
6. There is a special gate in Paradise through which the fasting people are welcomed as an honour to them.

One of the months is very special called Ramadan. Ramadan is better than other months because in that month Allah sent down His book called the Quran. Allah chains up the devils, opens the doors of Paradise, locks the gates of Hell and shows more mercy in Ramadan. Fasting in Ramadan is a pillar of Islam. There are five pillars in Islam. They are:

- 1) believing and saying that Allah is the only one worthy of worship and that Muhammad is His Messenger,
- 2) praying five times a day,
- 3) fasting in Ramadan,
- 4) paying a small amount in charity every year and
- 5) to go to Mecca for pilgrimage at least once in a lifetime if able to do so.


Allah orders Muslims to fast for the month of Ramadan so it is absolutely compulsory for us to do so. Here are two statements of Allah in the Quran translated into English that shows it is obligatory for all Muslims to fast in Ramadan: "O You who believe! Fasting is prescribed for you as it was prescribed for those before you, that you may become devout and God fearing (muttaqoon)." [Surah al-Baqarah (2) Ayah 183].

The month of Ramadan in which was revealed the Quran - guidance for mankind and clear proofs for guidance and the criterion (between right and wrong). So whoever of you sees (the crescent on the first night of) the month (of Ramadan), he must fast that month [Surah Baqarah (2) Ayah 185]. There is huge encouragement from the Messenger to fast in Ramadan. In one of his sayings he reported, "He who fasts Ramadan, due to faith and hoping for reward (from Allah), then (all) his previous sins are forgiven." If anyone can manage this then he becomes as spotlessly clean of sins as a newborn baby. Other reports from the Messenger tell us how the supplications are more answered, freedom from the Fire is granted and that someone who keeps up the five pillars truthfully will be counted as belonging to the same classes the true followers of the prophets and martyrs. On the other hand, the Messenger has also said that if we neglect fasting in Ramadan then there are very painful and terrible punishments waiting for them from Allah. One such report talks about being strung up by the hamstrings and jawbones torn and flowing in blood in Hell. Fasting is simple. There are only a few **rules and regulations** to practice:

First Rule - The person must intend to fast before the start time for the Morning Prayer. Intention is in the heart and so one should not say anything in particular. The Messenger said, "He who does not resolve to fast before it is Fajr (Morning Prayer), then there is no fast for him."

Second Rule - If a person eats or drinks out of mistake and did not know it is Ramadan, then he should stop eating or drinking anymore and complete his fast for the rest of the day. Some scholars disagree with this and say that fasting later after Ramadan should make up this particular day. It seems the best opinion is that there is no need to make it up, but we must not argue about this. Another point is that many people think brushing one's teeth, washing the nose or mouth, giving blood or taking an injection, which does not provide nourishment, using the inhaler for those who suffer from asthma, pouring water on the head or taking a bath may break or affect the fast. This is not true. As long as food or water does not enter the throat then it is OK. A person who is a traveller, ill, very old, pregnant or breast-feeding does not have to fast but can make up the days later. A woman in her menstruation must not fast but make up the days later.

Third Rule - All eating and drinking must stop immediately at start of Morning Prayer time. The Quran and the Sunnah clearly teaches how to tell when to stop eating. As soon as the reddish whiteness spread sideways in the horizon then it is the true start of Fajr time. It is not when you can see the very first sign of whiteness in the horizon that rises upwards. But remember though, if you are in the process of drinking and the call to prayer is given, then finish drinking before putting it down!



In this age a lot of people rely upon timetables and astronomy. These can be used to help make things easier but not to replace the way taught in the revelation. The method in the revelation is natural and easier because it directs us to use our eyes and look. If we are mistaken then there is no problem. Also, this method frees us from becoming strict with precise timings leading to quarrelling with one another. If you cannot get a time table or it is difficult to find out by looking at the sky for any reason, then a suitable way is to find out from a newspaper the Greenwich sunrise time and then work out something suitable. The start time for fasting could be an hour to an hour and a half earlier than the sunrise time for the day.

Fourth Rule - The person must break his fast directly after sunset. He should not delay it as some people do just to make sure the sun has really gone down. As soon as the disc of the sun disappears then fasting should be broken. It is possible that at that time it is still quite bright outside, but this does not matter at all. What is the best way to break the fast?

Well, it is reported that the Messenger used to break the fast with fresh dates before praying, if not with fresh dates then with older dates, and if not with older dates then with some mouthfuls of water. What do we say when we break the fast? The best supplication (du'a) that is reported from the Messenger that he used to say when breaking the fast is: Thirst has gone, the veins are moistened and the reward is certain, if Allah wills. (Dhahabath dhama'u wabtaallail'urooqu wa thabatal ajru inshaa Allah) It is very good to feed others so that they break the fast with your food. The Messenger said that for every person whom we help in breaking the fast by feeding them, it would be like as if we did their fasts too.

Fifth Rule - The person should try his best to take a meal before starting to fast. This meal is called suhoor. The Messenger spoke of its blessings and how it is a true characteristic of fasting in Islam. In one of the sayings of the Messenger he said, "The suhoor is a meal of blessings, so do not leave it, even if one of you just take a (gulp) of water, since Allah sends mercy and His Angels seek forgiveness for those who take the suhoor."

It is better to delay the suhoor until just before the Fajr prayer according to the way of the Messenger. The ideal way is to finish eating before the Fajr prayer so that there is time to read up to 50 verses from the Quran.

Sixth Rule - It is very important to behave well when fasting. One should try his utmost not to lie, argue, or use bad language. Here are two sayings of the Messenger: 1. Whoever does not give up falsehood in word and action then Allah the Mighty the Majestic has no need that he should leave his food and his drink. 2. Fasting is not (merely giving up) from eating and drinking, rather it is (keeping away) from ignorant and indecent talk. So if anyone abuses or behaves ignorantly with you, then say, "I am fasting, I am fasting."

Seventh Rule - The following things definitely cancels the fast:

1. Eating and drinking deliberately
2. Vomiting intentionally
3. Menstruation
4. Injections containing nourishment
5. Sexual intercourse or deliberate ejaculation.

Other important points connected to fasting in Ramadan:

The Taraaweeh Prayers - These are extra prayers done after the Night Prayers (Isha). The most authentic practice is to pray 8 units (rak'at) in sets of two and then the Witr prayer as a set of three. This makes the total 11 units. You can pray less and at least two. Other scholars have found evidence that more units can be prayed. 20 units are popular.

The Night of Decree (Lailatul-Qadr) - This is a special night that falls on one of the odd nights of the last ten nights of Ramadan. So it could be on the 21st, 23rd, 25th, 27th or 29th of Ramadan. According to the Quran on this night everything decreed for the year is set and it is better than a thousand months put together. The Messenger taught that if a person prays all through that night then all his past sins would be forgiven.

Zakatul-fitr (Charity to purify a fasting person and feed the poor) - This is compulsory and should be given before the 'Eid Prayer at the end of Ramadan. The Sunnah teaches that it should really be some type of foodstuff such as barley, wheat or raisins although some scholars now say giving money is allowed too. It is the responsibility of the head of the house for every member of his family.

Excerpt from ummah.com

Petikan Al-Quran/Hadith

"Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa." - Al-Baqarah : Ayat 183

"Barangsiapa memberikan seseorang yang berpuasa akan air sebagai minuman, Allah SWT akan membenarkannya untuk minum dari telagaku, sekali minum yang selepas meminumnya dia tidak akan merasa dahaga sehingga dia masuk ke dalam Syurga"

- Hadis riwayat Ibnu Khuzaimah

Jadual Aktiviti / Majlis Ilmu Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/09 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
02/09 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
03/09 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Square)	Tauhid
04/09 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
05/09 (Rabu)	Ust. Mohd Amin Al-Buntari	Al-Jauhar
06/09 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
07/09 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Daud	Feqah
08/09 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Khas
09/09 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
10/09 (Isnin)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
11/09 (Selasa)	Ust. Long Kechik	Umum
12/09 (Rabu)	Ust. Mohd Zubaidi (Indonesia)	Umum
13/09 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	
14/09 (Jumaat)	Ust. Halim Din (LZS)	Hadis
15/09 (Sabtu)	Ust. Jemputan	Umum
16/09 (Ahad)	Ust. Kashfun Nazir	Sirah
17/09 (Isnin)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Tafsir
18/09 (Selasa)	Ust. Mohd Amin Al-Buntari	Al-Jauhar
19/09 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
20/09 (Khamis)	Ust. Anuar Riduan (U. Malaya)	Umum
21/09 (Jumaat)	Ust. Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
22/09 (Sabtu)	Ust. Mohd Fadzil Ismail	Umum
23/09 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
24/09 (Isnin)	Dato' Dr. Hasan Ali	Umum
25/09 (Selasa)	Ust. Abd Malek (JAWI)	Sirah
27/09 (Khamis)	Ust. Ibrahim Zakaria	Zikrullah
28/09 (Jumaat)	Ust. Zaharuddin Muhammad	Nuzul Quran
29/09 (Sabtu)	Ust. Jemputan	Umum
30/09 (Ahad)	Ust. Nik Bakri Nik Mat	Dakwah

Kuliah Khas HELWA

Setiap Rabu 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Setiap Khamis 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw

Kuliah Suboh

01/09 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Al-jauhar
02/09 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah
08/09 (Sabtu)	Ust. Nik Radzi Nik Mat	Umum
09/09 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
15/09 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Al-Jauhar
16/09 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
22/09 (Sabtu)	Ust. Jemputan	Umum
23/09 (Ahad)	Ust. Jemputan	Umum
29/09 (Sabtu)	Ust. Jemputan	Umum
30/09 (Ahad)	Ust. Hamzah (Pelangi Square)	Umum

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diatitkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'topok-topok hitam' dalam hati kita. Nota: Jadual di atas tertakluk kepada pindaan, sila rujuk papan kenyataan di Surau untuk pindaan jadual terkini.



PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

- Biro Penerbitan & Penerangan



Rekabentuk Masjid Kota Damansara yang sedang dalam pembinaan



PERISTIWA YANG TERJADI PADA BULAN RAMADHAN

1. Turunnya Al-Quran

Tanggal 17 Ramadhan adalah merupakan hari besar Islam yang paling utama, kerana pada hari itulah kitab suci Al-Quran sebagai pedoman bagi umat Islam diturunkan. Peristiwa yang bersejarah ini terjadi ketika Nabi Muhammad SAW sedang berkhalwat di Gua Hira' Jabal Nur, pada saat itu datanglah malaikat Jibril lalu memeluk Muhammad dengan kuatnya, seraya berkata: "Bacalah," Nabi Muhammad menjawab: "Aku tidak pandai membaca." Jibril melakukan yang demikian itu sebanyak tiga kali. Akhirnya Jibril membacakan wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW itu, sedangkan Nabi Muhammad mengikuti apa yang dibaca oleh Jibril tersebut. Peristiwa turunnya wahyu yang pertama ini terjadi pada 17 hari bulan Ramadhan.

2. Lailatul Qadar

Lailatul ertinya *malam dan Qadar* ertinya *nilai, mulia dan ketentuan*. Dinamakan dengan *malam bernilai* atau *mulia* kerana pada malam itu diturunkan Al-Quran yang mulia dan tinggi nilainya. Begitu juga, bagi orang yang beribadah pada malam tersebut, nilainya lebih baik dari 1,000 bulan atau jika dijumlahkan iaitu selama 83 tahun empat bulan. Waktu terjadinya Lailatul Qadar - Para ulama berselisih pendapat tentang saat dan waktu terjadinya Lailatul Qadar itu. Akan tetapi sebahagian besar ulama menyatakan bahawa Lailatul Qadar itu terdapat pada sepuluh malam terakhir dari bulan Ramadhan setiap tahun. Pendapat inilah yang muktamad.

3. Perang Badar

Perang Badar terjadi pada tahun kedua sesudah Hijrah. Perang tersebut dicatat Al-Quran dalam surah Al-Anfal. Perang Badar ini memiliki erti sejarah tersendiri, iaitu merupakan sejarah mulai dipisahkannya antara perkara yang benar (haq) dengan perkara yang batil. Pertempuran Badar terjadi pada hari Jumaat tujuh belas hari bulan Ramadhan.

4. Menaklukkan Kota Makkah

Salah satu peristiwa penting dalam sejarah Islam yang turut terjadi pada bulan Ramadhan ialah peristiwa penaklukan kota Makkah. Peristiwa itu terjadi tepatnya pada 20 Ramadhan tahun lapan hijrah.